

Ubah suai Seri Perdana perlu

Ulm - 29/8/2021 m/s: 3

Oleh **ASLINDA NASIR** dan
ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerja pengubahsuaian dan naik taraf Kompleks Seri Perdana yang menelan belanja RM30 juta mengambil kira faktor-faktor keselamatan Perdana Menteri.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kos berkenaan turut membabitkan pengubahsuaian terhadap imej dalam menyambut tetamu utama negara.

Jelas Ismail Sabri, status pengubahsuaian kediaman rasmi Perdana Menteri itu kini mencapai tahap 60 peratus setakat 31 Ogos lalu.

“Pengubahsuaian dan naik taraf kediaman ini perlu dilaksanakan mengambil kira faktor keselamatan Perdana Menteri.

“Ini juga adalah untuk memastikan imej negara dalam menyambut tetamu utama negara di program rasmi Perdana Menteri,” katanya menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Datuk Mahfuz Omar (**PH-Pokok Sena**) meminta Perdana Menteri menyatakan status projek berkenaan yang didakwa membabitkan kos RM30 juta serta justifikasi



KOS pengubahsuaian dan naik taraf Kompleks Seri Perdana menelan belanja hampir RM30 juta. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

projek terbabit.

Tambah Perdana Menteri, pengubahsuaian tersebut termasuklah kerja pendawaian elektrik dan mekanikal, penam-

bahbaikan pendawaian elektrik, mekanikal serta sistem pendingin hawa.

Selain itu, kos tersebut turut membabitkan pengubahsuaian

struktur di Blok Kediaman Rasmi serta penggantian perabot yang uzur dan daif, sesuai dengan status kediaman rasmi Perdana Menteri.